

MOSCOW

BANDAR GLOBAL DAN IKONIK RUSIA

Oleh Siti Raba'ah Hamzah

Suatu waktu dahulu, Rusia dikenali sebagai negara komunis. Pada hari ini, Rusia dianggap sebagai salah sebuah negara kuasa besar dunia. Kedudukan ini menggerakkan hati penulis untuk mengembara dan melihat sendiri rupa dan suasana negara itu. Kembara selama sembilan hari melalui perjalanan sejauh lebih 9000 kilometer (km) dari Kuala Lumpur ke Saint Petersburg dan Moscow, meninggalkan pengalaman manis, meskipun menggerunkan pada awalnya.

Dalam peta dunia, Rusia terletak di sebelah utara dan merupakan negara terluas atau terbesar secara wilayahnya di dunia, dengan keluasan kira-kira 9000 km persegi. Negara Rusia tidak hanya terletak di benua Asia, namun sebahagian wilayahnya juga terletak di Eropah. Rusia mempunyai penduduk melebihi 143 juta orang dengan 120 kumpulan etnik.


Rusia juga negara maju yang berkuasa di dunia yang berasaskan kemajuan negara dan kekuatan pasukan tenteranya. Sumber ekonomi Rusia ialah perindustrian dan pertanian. Cuaca di Rusia sentiasa sejuk kerana negara ini hanya menerima cahaya matahari lebih kurang 60 hari

setahun. Antara bandar utama yang terkenal di Rusia, termasuklah Saint Petersburg dan Moscow.

Kembara kami bermula di bandar Saint Petersburg yang merupakan bandar kedua terbesar di Rusia. Bandar ini cantik dengan aliran sungai Neva sepanjang 4 km di tengah-tengah bandar yang boleh disusuri dengan bot. Kami menaiki bot di Terusan Griboyedov untuk menyusuri sungai itu. Pemandangan menarik dapat dilihat terutamanya bangunan bersejarah seperti istana Anichkov, istana Musim Sejuk dan panggung teater Mariinsky, yang kesemuanya diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan dunia.

Saint Petersburg mempunyai penduduk melebihi lima juta orang dengan sebahagian besarnya golongan belia kerana tarikan peluang pekerjaan di bandar ini. Oleh sebab Saint Petersburg ialah bandar budaya di Rusia, maka banyak peluang pekerjaan dalam bidang pelancongan. Kami mengunjungi muzium Hermitage, iaitu antara muzium terbesar dan tertua di dunia.

Muzium ini dibina oleh Raja Catherine pada tahun 1852, dan merupakan muzium yang cantik, mewah dan



Stesen keretapi bawah tanah Koltsevaya yang terkenal di dunia dengan landskap yang sangat cantik.



Penulis di dataran yang mengandungi pasar raya besar Gosudarstvenny Universalny Magazin (GUM).

lengkap dalam kelasnya tersendiri. Muzium ini dikunjungi oleh berjuta-juta pelawat pada setiap tahun dari serata dunia. Kami beratur seawal pukul tujuh pagi dalam cuaca sejuk (suhu -2 darjah celsius) untuk masuk ke muzium ini.


Seterusnya, kami berjalan kaki di dataran Decembrists atau lebih dikenali dengan nama, Ploschad Dekabristov, yang bersambung dengan bangunan Admiralty, iaitu pejabat tentera laut Rusia pada awal abad ke-19. Bangunan ini merupakan

bangunan yang terpanjang di Saint Petersburg, iaitu melebihi 400 meter. Dataran ini masih digunakan oleh penduduk Saint Petersburg untuk menyambut tahun baharu dan acara rasmi lain di Rusia.

Keesokannya, kami meneruskan kembara dengan mengunjungi Masjid Biru yang terletak di Jalan Kronverkskiy Prospekt. Masjid ini merupakan masjid terbesar di Rusia. Semasa kunjungan kami, kelihatan pekerja sedang melakukan kerja-kerja



Bandar dengan aliran sungai Neva sepanjang 4 km di tengah-tengahnya yang boleh disusuri dengan bot.



Muzium Hermitage sebuah muzium terbesar dan tertua di dunia.

penambahbaikan. Masjid yang serba kebiruan ini amat istimewa dan telah dibina pada tahun 1913.

Menurut sejarah, orang Islam ialah kumpulan pertama yang tiba di Saint Petersburg dan antara orang yang membuka bandar dan masjid ini. Sehingga kini, lebih 15 peratus daripada jumlah penduduk Saint Petersburg beragama Islam. Masjid ini pernah ditutup semasa peperangan di Rusia, dan dibuka semula pada tahun 1956 oleh pemerintah pada masa itu, iaitu Kremlin, hasil kunjungan Presiden Indonesia pertama, iaitu Sukarno ke Rusia. Kami menunaikan solat di masjid ini.

Kami meneruskan kembara di Rusia dengan melawat Moscow, iaitu ibu negara Rusia yang terletak lebih 600 km ke utara. Kami menggunakan khidmat kereta api laju Sapsan, yang mengambil masa selama tiga jam setengah dari Saint Petersburg. Moscow atau nama lainnya, Mockba, mempunyai penduduk lebih 10 juta orang dan merupakan bandar yang sangat sibuk seperti kota London.

Sebelum ke Moscow, penulis teringat akan pesanan seorang kawan yang pernah ke Moscow,

“Jaga senyuman anda ketika berada di Moscow. Penduduk di sini tidak gemar senyum terutamanya kepada orang luar”. Begitulah juga pesanan daripada pemandu pelancong kami dari Malaysia. Walau bagaimanapun, ketibaan kami di Moscow disambut dengan baik oleh pemandu pelancong berbangsa Rusia. Menurut beliau, budaya penduduk di Moscow telah berubah selari dengan perubahan dasar keterbukaan Rusia kepada dunia luar. Perkara ini juga dapat dilihat daripada beberapa jenama kereta mewah import yang terdapat di bandar ini seperti BMW, Mercedes, Porsche dan Toyota.

Kami mengunjungi Dataran Merah atau Red Square. Dataran Merah ataupun krasnaya, yang bermaksud cantik ialah dataran yang menyimpan sebahagian besar


sejarah Rusia. Dataran Merah bukan sahaja terkenal di Rusia, malahan di seluruh dunia. Yang paling menarik di dataran ini ialah gereja Saint Basil, perkuburan Lenin, Gereja Kazan, muzium dan Pintu Iberian.

Gereja Saint Basil yang berusia hampir 500 tahun merupakan tarikan utama di Dataran Merah dengan seni bina asli Rusia yang telah dimodenkan menjadi istana Cinderella yang berwarna-warni sejak tahun 1990. Tercapailah hasrat kami untuk mengabadikan gambar kenangan di hadapan bangunan ini.

Semua majlis keraian di Moscow juga akan diadakan di sini. Kami berpeluang menyaksikan persiapan hari Krismas dengan terbinanya gerai-gerai yang menjual bunga dan cenderamata untuk perayaan



Masjid Biru yang terletak di Jalan Kronverkskiy Prospekt merupakan masjid terbesar di Rusia.



Pengunjung beratur seawal pukul tujuh pagi dalam cuaca sejuk (suhu -2 darjah celcius) untuk masuk ke muzium.

Gereja Saint Basil yang berusia hampir 500 tahun di Dataran Merah dengan seni bina asli Rusia yang telah dimodenkan menjadi istana Cinderella yang berwarna-warni sejak tahun 1990.

itu. Di hujung dataran ini, terdapat sebuah pasar raya besar, iaitu Gosudarstvenny Universalny Magazin (GUM).

Pasar raya ini menjadi destinasi pelancongan kerana terdapat aiskrim Rusia yang terkenal, iaitu plombir dan crème brulee berperasa vanila atau coklat. Kami tidak ketinggalan menikmati aiskrim berperisa buah-buahan. Bagi melengkapkan perjalanan kami pada hari itu, kami menaiki kereta api bawah tanah Koltsevaya untuk pulang ke hotel penginapan melalui stesen Komsomolskaya. Stesen kereta api ini terkenal di dunia dengan landskap yang sangat cantik.

Sehari sebelum pulang ke Malaysia, kami berkesempatan membeli cenderamata sebagai tanda kami sudah mengunjungi Rusia, iaitu anak patung matryoshka atau babushka. Mitos mengenai anak patung ini diabadikan dengan reka bentuknya, iaitu daripada

sekecil-kecil anak patung hingga sebesar-besarnya yang diperbuat daripada kayu, seolah-olah seorang ibu sedang membawa enam orang anak. Secara simboliknya, patung ini diwarnakan dengan warna yang terang dengan si ibu memakai apron dan sapu tangan di kepalanya.

Mengembara di Rusia tidaklah sukar atau menggerunkan seperti yang disangka di bekas sebuah negara komunis. Kita boleh berkomunikasi dengan mudah dalam bahasa Inggeris dan berbelanja dengan mata wang USD Amerika atau rubel Rusia. Satu rubel bersamaan dengan lima puluh sen mata wang Malaysia. Makanan di Rusia pula tidak jauh berbeza dengan di Malaysia. Pendek kata, kembara di Rusia mengubah pandangan kami terhadap budaya dan landskap Rusia, sehinggakan ada yang berhasrat untuk kembali ke Moscow. *Uvidimsya snova* (sehingga berjumpa lagi). ds



Anak patung matryoshka atau babushka dari sekecil-kecil anak patung hingga sebesar-besarnya diperbuat daripada kayu, seolah-olah seorang ibu sedang membawa enam orang anak.



Dataran Decembrists atau lebih dikenali dengan nama Ploschad Dekabristov yang bersambung dengan bangunan Admiralty, iaitu pejabat tentera laut Rusia pada awal abad ke-19.